



SIARAN MEDIA

MAJLIS KENDURI RAKYAT DESA MADANI 2025 MERIAHKAN PENUTUP PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI KKDW DI KAMPUNG BUKIT SAPI, LENGGONG

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah menganjurkan **Majlis Kenduri Rakyat Desa MADANI 2025** sebagai acara penutup pelaksanaan **Program Kampung Angkat MADANI (KAM)** dan **Sekolah Angkat MADANI (SAM)** di Kampung Bukit Sapi, Lenggong, Perak, yang telah dilaksanakan bermula Januari 2025.

Majlis ini telah disempurnakan oleh **YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha KKDW**, bersempena kejayaan pelaksanaan keseluruhan projek KAM dan SAM bagi tahun 2025 yang telah disiapkan sepenuhnya mengikut jadual. Kampung Bukit Sapi telah dipilih sebagai lokasi pelaksanaan KAM dengan peruntukan berjumlah **RM1 juta**, manakala **Sekolah Kebangsaan Bukit Sapi** dipilih bagi pelaksanaan SAM dengan peruntukan **RM100,000**, melibatkan keseluruhan **13 projek**, terdiri daripada:

- **10 projek fizikal**, termasuk naik taraf sekolah agama, titi sungai, klinik desa, jalan ladang, masjid, surau, dewan orang ramai, pemasangan lampu jalan solar dan infrastruktur sekolah; dan
- **3 projek bukan fizikal**, merangkumi gotong-royong keceriaan kampung, pelaksanaan Program Pusat Komuniti Desa (PKD) Mobile dan Program Motivasi Pelajar.

Keseluruhan projek ini melibatkan peruntukan berjumlah **RM1.1 juta** dan telah disiapkan sepenuhnya, dengan keseluruhan peruntukan telah dibelanjakan sehingga 30 November 2025. Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan menambah baik kemudahan asas, menyokong pembangunan pendidikan serta meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar.

Sebagai sebahagian usaha menggalakkan penggunaan tenaga mesra alam, KKDW turut melaksanakan **Program Rintis Lampu Solar** secara gotong-royong dengan penglibatan pelajar dan sukarelawan **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**. Sebanyak **30 unit lampu solar** telah dipasang dengan kos berjumlah **RM40,073**. Selain itu, KKDW juga melaksanakan **Program Selenggara Elektrik Rumah Impian (SERI)** bagi meningkatkan tahap keselamatan elektrik kediaman golongan B40. Sebanyak **25 buah rumah** telah diselenggara secara berperingkat dengan kos **RM40,000**, di samping memberi peluang kepada pelatih **TVET GIATMARA** menjalani latihan kemahiran sebenar di lapangan.

Majlis ini turut melibatkan pelaksanaan aktiviti komuniti **melalui penyediaan perkhidmatan dan aktiviti oleh PKD Mobile dan GIATMARA**, termasuk kaunter perkhidmatan pembukaan akaun Tabung Haji, latihan kemahiran dan kraftangan, perkhidmatan gunting rambut serta penukaran minyak enjin motosikal secara percuma.

Pelaksanaan program secara bersepadu ini mencerminkan komitmen KKDW dalam memperkukuh kerjasama komuniti serta memastikan inisiatif pembangunan luar bandar dilaksanakan secara inklusif dan berfokus kepada kesejahteraan rakyat.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
15 DISEMBER 2025